





بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang.

# MTIC 2030

PELAN STRATEGIK 2026 – 2030

Diterbitkan oleh  
Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi  
Negara Brunei Darussalam

© Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi 2025

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan menerbitkan atau mencetak ulang semula mana-mana bahagian buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara sekalipun sama ada secara elektronik atau mekanikal termasuk fotokopi, rakaman, menaip maklumat dan sistem pengambilan sebelum mendapat keizinan daripada penerbit terlebih dahulu.

# ISI KANDUNGAN

03

Hadith

04

Petikan  
Titah

06

Sekapur  
Sirih

07

Kata Pengantar  
Setiausaha Tetap

08

Kata Pengantar  
Timbalan-Timbalan  
Setiausaha Tetap

09

Mengenai  
MTIC

10

Ringkasan  
Eksekutif

11

MTIC 2030:  
Sekilas Pandang

12

MTIC 2030:  
Pendekatan Kami

13

Penjajaran  
Strategik

15

Visi

17

Misi

19

Nilai  
Teras

21

Pemacu  
Nilai

23

Pemboleh Daya  
Berkeutamaan Tinggi

25

Tonggak  
Strategik

31

Matlamat  
Strategik

33

Sasaran  
Strategik

39

Pelan Tindakan  
2026 - 2030

49

Penilaian  
Strategi



**HADITH**

Daripada Abu Hurairah Radhiallahu 'anhu, meriwayatkan bahawa Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam bersabda:

مَنْ يَسَّرَ عَلَيَّ مُعْسِرٍ،  
يَسِّرَ اللَّهُ عَلَيْهِ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ

*"Barang siapa yang memudahkan orang yang ditimpa kesulitan, maka Allah memudahkan untuknya di dunia dan akhirat."*

*[Diriwayatkan oleh Ibnu Majah]*



# Petikan Titah

**Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda  
Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mui'zzaddin Waddaulah  
ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien  
Sa'adul Khairi Waddien,  
Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam**

*“... Ekonomi kita masih sahaja bergantung kepada minyak dan gas. Maka, kita perlu terus melakukan transformasi dalam meningkatkan produktiviti dan hasil negara merentasi sektor-sektor seperti pertanian, pengangkutan, pendidikan, kesihatan, pelancongan, keselamatan dan perkhidmatan awam serta industri-industri baharu dengan mengambil kira kepesatan teknologi ...”*

---

**Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda  
Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni  
Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,  
Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersempena dengan  
Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan  
ke-21 Majlis Mesyuarat Negara (MMN)  
bagi tahun 1446H/2025M**

# Sekapur Sirih

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ



**Yang Berhormat  
Pengiran Dato Seri Setia Shamhary  
bin Pengiran Dato Paduka  
Haji Mustapha**  
**Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi**

Dengan berbesar hati dan setinggi-tinggi kesyukuran, saya memperkenalkan **MTIC 2030**, Pelan Strategik baharu Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi bagi tempoh lima tahun iaitu 2026–2030. Segala puji bagi Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya jua, kami dapat mencapai ke tahap ini.

Pelan Strategik ini telah menggabungkan pencapaian lalu, serta pengajaran yang diperoleh daripada pelaksanaan Pelan Strategik kementerian terdahulu. Penyediaan pelan ini juga merupakan hasil usaha bersepadu dan kolaboratif yang telah memanfaatkan kekuatan serta keupayaan kolektif daripada semua pihak yang terlibat.

Oleh itu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam penyediaannya, yang telah menyumbangkan pandangan serta mengongsikan pelbagai perspektif yang bernilai dalam merangka hala tuju kementerian bagi tempoh lima tahun akan datang.

Dokumen ini bukanlah sekadar latihan teori. Ianya berfungsi sebagai peta jalan muktamad dengan hala tuju yang jelas, dan untuk tindakan semua entiti di bawah bidang kuasa kementerian bagi menyokong matlamat pembangunan negara di bawah Wawasan Brunei 2035. Matlamat Strategik dan keutamaan yang digariskan dalam dokumen ini merupakan rangka kerja menyeluruh bagi menyelaras dan mentadbir urus pelan operasi, pembuatan keputusan, serta peruntukan sumber setiap jabatan dan badan berkanun di bawah bidang kuasa Kementerian ini.

Saya berharap agar semua pemimpin dan pasukan untuk menjalankan peranan dan tanggungjawab masing-masing dalam menterjemahkan objektif peringkat tinggi ini kepada tindakan yang konkrit dan boleh diukur, serta memastikan usaha bersepadu kita selaras secara strategik dan didorong oleh tujuan yang sama demi menjamin kemajuan negara.

Selain itu, teras misi kita berpegang kepada komitmen untuk melakukan perkara yang betul (Integriti), memastikan tidak ada seorang pun yang tertinggal (Inklusiviti), serta sentiasa bertanya 'apakah langkah seterusnya?' (Inovasi). '3I' ini berfungsi sebagai nilai teras kita, iaitu Integriti bermakna memimpin dengan kejujuran dan akauntabiliti bagi membina asas kepercayaan yang kukuh. Sementara Inklusiviti adalah untuk memastikan tidak ada pihak yang tertinggal dalam kita terus menjalinkan penglibatan yang bermakna serta perkhidmatan dengan pihak berkepentingan, rakan kongsi dan masyarakat. Inovasi pula kekal sebagai teras kepada misi kita, iaitu suatu pemikiran yang menerima perubahan dan memacu penambahbaikan berterusan.

Saya yakin bahawa dengan tanggungjawab, dedikasi serta komitmen berterusan daripada seluruh warga Kementerian, segala matlamat yang kita hasratkan akan, dengan limpah rahmat Allah Subhanahu Wata'ala dan izin-Nya jua, dapat diterjemahkan kepada pencapaian penting serta menjadi bukti terhadap visi bersama kita demi masa depan yang lebih baik.

Saya mengalu-alukan semua pihak untuk berganding bahu bersama kami dalam perjalanan yang bermakna ini bagi memacu kemajuan negara kita.

Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

# Kata Pengantar Setiausaha Tetap

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ



**Ir. Haji Mohammad Nazri  
bin Haji Mohammad Yusof**  
Setiausaha Tetap

Dalam era yang ditakrifkan oleh kemajuan teknologi yang pesat, pengintegrasian sektor infokomunikasi dan pengangkutan membuka peluang yang belum pernah wujud sebelum ini, iaitu untuk mentransformasikan cara kita berhubung, bergerak, dan berinteraksi. Teknologi memunculkan seperti kecerdasan buatan, analitik data, dan sistem autonomi bukan lagi sekadar konsep masa hadapan, sebaliknya berperanan sebagai pemboleh daya utama kepada pembangunan infrastruktur yang lebih pintar, penyampaian perkhidmatan yang lebih responsif, serta dinamisme ekonomi yang lebih kukuh. Dengan mengintegrasikan inovasi ke dalam teras aliran kerja, pihak Kementerian ini akan dapat meningkatkan kecerdasan operasi dan memacu pertumbuhan yang inklusif.

Oleh itu, Pelan Strategik 2026–2030 ini berfungsi sebagai peta hala tuju lima tahun untuk mencapai visi kesalinghubungan yang lebih menyeluruh bagi semua, melalui pemanfaatan potensi kemajuan ke arah peningkatan kualiti kehidupan. Pelan ini menzahirkan aspirasi ke arah pembinaan sebuah negara pintar yang bersepadu, iaitu pihak kerajaan, masyarakat, dan sektor perniagaan saling terhubung dengan lancar. Dalam usaha merealisasikan transformasi ini, pihak Kementerian kekal berpegang teguh kepada prinsip keselamatan dan sekuriti, kecemerlangan prestasi dan perkhidmatan, kemampuhan serta kedayatahan.

Yang paling utama, ini bermakna memperkukuh daya tahan siber, menerima pakai teknologi hijau, serta melabur dalam keupayaan masa hadapan untuk memastikan sektor di bawah Kementerian kekal dipercayai dan dapat disesuaikan. Dengan mengintegrasikan pembangunan mampan bersama kepimpinan digital, pihak Kementerian sedang membina landskap pengangkutan dan infokomunikasi yang lebih pintar, mesra alam dan inklusif. Melalui pengukuhan kerjasama dan inovasi, pihak Kementerian ini akan terus membuka peluang baharu serta membentuk masa depan yang saling terhubung dan memberi manfaat kepada semua.

# Kata Pengantar Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap



**Haji Hairul Mohd Daud  
bin Haji Abdul Karim**  
Timbalan Setiausaha Tetap  
(Infokomunikasi)

Sektor infokomunikasi berada di barisan hadapan dalam perjalanan berterusan negara ke arah transformasi digital yang lebih meluas, sekali gus berperanan sebagai tunjang kepada pembinaan masa depan yang pintar, inklusif, dan berdaya tahan. Justeru, kemajuan teknologi bukan lagi satu pilihan, sebaliknya merupakan suatu keperluan bagi memastikan pertumbuhan dan pembangunan negara yang mampan.

Seiring dengan usaha memesatkan pendigitalan, pihak Kementerian menerima pakai inovasi untuk membuka peluang-peluang baharu – mempertingkatkan perkhidmatan awam, memperkasakan sektor perniagaan, serta memperkayakan kehidupan dan pengalaman harian masyarakat. Transformasi ini bukan hanya tentang teknologi, malah berteraskan warga Kementerian, rakan-rakan strategik, serta penggunaan alat digital secara berhemah yang bertujuan untuk mewujudkan impak yang nyata dan berkekalan. Namun, perjalanan menuju pendigitalan tidak terlepas daripada cabarannya. Oleh itu, piawaian keselamatan siber serta perlindungan kawal selia yang kukuh adalah kritikal untuk memastikan kepercayaan dan kedayatahanan dalam sistem digital. Dalam memastikan kecemerlangan operasi, pendekatan pihak Kementerian adalah dengan mempraktikkan amalan terbaik, menggalakkan inovasi berterusan, serta memupuk bakat untuk memenuhi tuntutan ekonomi digital yang dinamik.

Demi menyelaraskan segala usaha di bawah satu visi bersama bagi kemajuan digital, pihak Kementerian secara strategik membentuk ekosistem infokomunikasi yang selamat, tangkas dan berdaya tahan untuk masa depan, serta berada dalam kedudukan yang kukuh untuk memacu kemajuan negara secara berterusan. Dengan memperkukuh infrastruktur digital, pihak Kementerian beriltizam untuk membina sebuah masyarakat yang saling terhubung dan bersiap siaga untuk menghadapi masa hadapan.



**Haji Mohammad Salihin  
bin Haji Aspar**  
Timbalan Setiausaha Tetap  
(Pengangkutan)


Sektor pengangkutan kini berada dalam fasa transformasi yang pesat seiring dengan usaha memodenkan proses dan sistem yang sedia ada. Sebagai langkah ke hadapan, Pelan Strategik MTIC 2030 ini merangka hala tuju yang jelas bagi sektor ini untuk tempoh lima tahun akan datang dan seterusnya, bagi memenuhi keperluan masyarakat yang dinamik dan saling terhubung yang sentiasa berkembang.

Di teras transformasi ini terletak komitmen terhadap perubahan yang bermatlamat – memperkasa modal insan, memanfaatkan teknologi baharu, mengintegrasikan teknologi hijau, memperkukuh infrastruktur, serta mengadaptasi penyelesaian mobiliti baharu demi mewujudkan rangkaian pengangkutan yang lebih pintar, selamat dan efisien. Seiring dengan kemajuan ini, pematuhan terhadap piawaian keselamatan dan sekuriti tertinggi dalam sektor pengangkutan kekal sebagai komitmen teguh Kementerian ini. Piawaian ini merupakan prinsip yang tidak boleh dikompromi dan menjadi panduan kepada setiap inisiatif yang dilaksanakan.

Modal insan merupakan antara pemboleh daya berkeutamaan tinggi yang dikenal pasti dalam pelan strategik ini. Justeru, Kementerian ini kekal komited untuk memperkasakan tenaga kerja dengan melengkapkan mereka melalui set kemahiran dan peralatan yang betul agar siaga masa hadapan bagi memenuhi keperluan teknologi dan industri yang semakin berkembang. Pengukuhan tadbir urus serta kerjasama industri melalui pendekatan senegara adalah sama pentingnya. Sehubungan itu, pelan ini menekankan usaha mempertingkatkan kapasiti institusi, memastikan pematuhan terhadap rangka kerja kawal selia, serta memperkukuh perkongsian dengan pelbagai pihak berkepentingan dan pemain industri.

Melalui pendekatan yang diselaraskan, pihak Kementerian juga berhasrat untuk memacu transformasi ekosistem pengangkutan negara dengan memastikan agar ia kekal inklusif, lestari alam sekitar, dan berdaya tahan dalam menghadapi cabaran masa hadapan. Justeru itu, Pelan Strategik ini diharap akan menjadi platform bagi memperkukuh kerjasama berterusan di seluruh sektor pengangkutan.

# Mengenai MTIC (Data Utama Tahun 2024)



\*Data adalah berdasarkan kemajuan tahun 2024

# Ringkasan Eksekutif

Pelan Strategik Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) 2026–2030, yang juga dikenali sebagai **MTIC 2030**, menetapkan hala tuju strategik Kementerian bagi tempoh lima tahun akan datang selaras dengan visi **“Kesalinghubungan untuk Semua”**, disokong oleh Misi untuk menyediakan **“Kesalinghubungan yang dipercayai dan lancar untuk masa depan yang mampan dan berdaya tahan”**.

Beraskan Nilai Teras **MTI<sup>3</sup>C**, pendekatan Kementerian dalam tugasnya adalah dengan mengintegrasikan Maqasid Syari’ah dalam setiap aspek pelaksanaan, menyemai semangat kerja berpasukan, mengekalkan integriti dan memastikan inklusiviti, sambil menggalakkan inovasi serta memupuk kolaborasi.

MTIC 2030 menandakan satu evolusi penting dalam pendekatan strategik Kementerian, mencerminkan penekanan baharu berfokuskan impak, integrasi dan penciptaan nilai jangka panjang. Pada terasnya, Pelan Strategik ini dibentuk oleh tiga (3) Pemacu Nilai yang menekankan – **Menjamin Keselamatan dan Sekuriti Awam; Meningkatkan Kesejahteraan dengan Perkhidmatan yang Efisien dan Berkualiti; Menyokong Pertumbuhan dan Pembangunan Sosioekonomi yang Mampan.**

Berlandaskan pemacu nilai ini, MTIC 2030 disusun melalui **Rangka Kerja 4-4-4** bagi memastikan pendekatan pelaksanaan yang bersepadu dan menyeluruh. Dalam rangka kerja ini, komponen utama merangkumi empat (4) Pemboleh Daya Berkeutamaan

Tinggi iaitu – **Modal Insan dan Infrastruktur; Dasar dan Peraturan; Teknologi Memuncul dan Data; Perkongsian Kerjasama yang Bermakna.** Kesemua ini menyokong empat (4) Tonggak Strategik yang memberi tumpuan kepada bidang keutamaan berikut – **Memacu Pendigitalan dan Inovasi; Mematuhi Piawaian Keselamatan dan Sekuriti; Berusaha Ke Arah Kecemerlangan Prestasi; Memajukan Pertumbuhan Mampan dan Pembangunan Berdaya Tahan.**

Secara keseluruhan, rangka kerja ini turut direka untuk mencapai empat (4) Matlamat Strategik iaitu – **Kerajaan yang Terhubung dan Siaga Masa Hadapan; Masyarakat yang Terhubung dan Inklusif; Perniagaan yang Terhubung dan Mampan; Ekosistem yang Terhubung dan Dipercayai.**

Pelan Strategik ini berfungsi sebagai peta jalan praktikal dalam menterjemahkan hasrat strategik kepada pelaksanaan. Pelan ini didokong oleh **121 inisiatif, projek dan program**, yang diukur melalui **21 Sasaran Strategik peringkat tinggi** dengan kemajuan dipantau melalui penilaian suku tahunan dan secara tahunan bagi memastikan akauntabiliti serta penyampaian hasil yang berkesan.

Sehubungan itu, MTIC 2030 menegaskan semula komitmen Kementerian dalam merealisasikan aspirasi di bawah **Wawasan Brunei 2035, National Blueprints** serta pelan-pelan lain yang berkaitan ke arah visi yang terhubung demi masa depan yang lebih baik.

# MTIC 2030: Sekilas Pandang



## Visi

**Kesalinghubungan untuk Semua**



## Misi

**Kesalinghubungan yang Dipercayai dan Lancar  
untuk Masa Depan yang Mampan dan Berdaya Tahan**



**4** Pemboleh Daya Berkeutamaan Tinggi    **4** Tonggak Strategik    **21** Sasaran Strategik    **121** Inisiatif, Projek dan Program


**4 Matlamat Strategik**

<b>Matlamat Strategik 1</b> Kerajaan Yang Terhubung dan Siaga Masa Hadapan	<b>Matlamat Strategik 2</b> Masyarakat Yang Terhubung dan Inklusif	<b>Matlamat Strategik 3</b> Perniagaan Yang Terhubung dan Mampan	<b>Matlamat Strategik 4</b> Ekosistem Yang Terhubung dan Dipercayai
<b>4</b> Sasaran Strategik <b>27</b> Inisiatif, Projek dan Program	<b>5</b> Sasaran Strategik <b>15</b> Inisiatif, Projek dan Program	<b>7</b> Sasaran Strategik <b>34</b> Inisiatif, Projek dan Program	<b>5</b> Sasaran Strategik <b>45</b> Inisiatif, Projek dan Program
Peningkatan dalam keefisienan, ketelusan dan keupayaan responsif dalam operasi serta penyampaian perkhidmatan melalui penerapan penyelesaian digital	Kemudahan akses yang saksama dan inklusif bagi perkhidmatan pengangkutan dan infokomunikasi, di samping memupuk kepercayaan awam dan meningkatkan kualiti hidup	Memupuk ekosistem yang berdaya digital, efisien, dan bersepadu bagi memudahkan perniagaan dan pelaburan, mewujudkan peluang pekerjaan serta pertumbuhan sosioekonomi yang mampan	Memperkukuh pematuhan kawal selia dan piawaian, di samping meningkatkan kesiapsiagaan dan kesediaan bagi tindak balas yang berkesan dalam krisis kecemasan

# MTIC 2030: Pendekatan Kami

Pelan strategik yang lalu telah memulakan satu lembaran baharu dengan agenda menyeluruh bagi mencapai visi 'Negara Pintar Terhubung'. Berteraskan kemajuan yang telah dicapai serta pengajaran yang diperoleh, pihak Kementerian kini memperbaharui pendekatannya dengan menetapkan matlamat yang realistik, bertujuan untuk memantapkan kesalinghubungan negara secara bermakna agar Negara Brunei Darussalam menjadi sebuah negara yang benar-benar pintar secara digital.

Sehubungan itu, MTIC 2030 menggunakan pendekatan tiga (3) langkah yang menghasilkan rangka kerja komponen penting '4-4-4' yang mentakrifkan hala tuju strategik pihak Kementerian untuk lima tahun akan datang.



# Penjajaran Strategik

WAWASAN  
BRUNEI  
2035



*Economic  
Blueprint*



*Manpower  
Blueprint*



*Social  
Blueprint*



Peta Hala Tuju  
Perindustrian



Pelan  
Transformasi  
Digital Brunei



Strategi Sains,  
Teknologi  
dan Inovasi



Tindakan  
Keselamatan  
Jalan Raya  
2030


**MTIC 2030**



Pelan-pelan dan  
Petunjuk Prestasi Utama  
(KPI) Operasi  
Jabatan dan Autoriti



Pelaburan Projek  
Rancangan Kemajuan  
Negara (RKN)



**VISI**

# Visi

## Kesalinghubungan untuk Semua

Kesalinghubungan yang lancar, berpusatkan rakyat, dan siaga masa hadapan bagi Negara Brunei Darussalam

Ini membayangkan masa depan yang mempunyai:



### Perkhidmatan Digital

Dipercayai • Mudah • Lancar



### Rangkaian Pengangkutan

Mudah Diakses • Selamat • Mampan



### Dasar dan Infrastruktur


Berkembang • Berdaya Saing • Berdaya Tahan



### Impak Kesalinghubungan

Produktiviti • Inklusif • Kemajuan





# MISI



# Misi

**Kesalinghubungan yang Dipercayai dan Lancar untuk Masa Depan yang Mampan dan Berdaya Tahan**



## Kesalinghubungan

Dipercayai • Lancar • Bersepadu




## Kemampanan

Seimbang • Inklusif • Bertanggungjawab  
Terhadap Alam Sekitar



## Daya Tahan

Mantap • Boleh Dipercayai • Kalis Masa Depan




# NILAI TERAS

# Nilai Teras

Dalam landskap digital yang berkembang pesat, perubahan adalah sesuatu yang tidak dapat dielakkan. Justeru, pihak Kementerian menegaskan semula enam (6) nilai teras yang menjadi prinsip panduan dalam merealisasikan visinya dengan mengintegrasikan Maqasid Syari'ah dalam semua pelaksanaan tugas, menyemai semangat kerja berpasukan, mengekalkan integriti dan memastikan inklusiviti, sambil menggalakkan inovasi serta memupuk kolaborasi.





# PEMACU NILAI

# Pemacu Nilai

Pemacu nilai Kementerian yang telah sekian lama wujud terus berperanan sebagai kompas strategik, membimbing pembuatan keputusan berfokuskan masa hadapan yang selaras dengan visi dan misinya bagi memberikan hasil yang transformatif dan mampan:



## Menjamin Keselamatan dan Sekuriti Awam

Didorong oleh dasar dan peraturan yang sesuai serta berpandangan ke hadapan, pengawasan pematuhan, serta tahap kesiapsiagaan dan tindak balas kecemasan yang kukuh. Usaha ini bertujuan untuk menjangkakan risiko dan ancaman baharu, melindungi masyarakat, serta mengukuhkan kepercayaan dan keyakinan jangka panjang.



## Meningkatkan Kesejahteraan dengan Perkhidmatan yang Efisien dan Berkualiti

Dicapai melalui proses yang diperkemas, integrasi digital yang lancar, dan penerapan teknologi baharu. Sasarannya adalah untuk memenuhi keperluan masyarakat dan ekonomi yang sentiasa berkembang, meningkatkan kemudahan akses kepada perkhidmatan, serta mempertingkatkan kualiti kehidupan untuk semua.



## Menyokong Pertumbuhan dan Pembangunan Sosioekonomi yang Mampan

Menerajui pembangunan yang bertanggungjawab terhadap alam sekitar, inklusif dari segi sosial, berdaya tahan dari segi ekonomi melalui pemodenan sistem dan infrastruktur, pengembangan kesalinghubungan digital serta penggalakan mobiliti hijau berpelepasan rendah.



# PEMBOLEH DAYA BERKEUTAMAAN TINGGI

# 4 Pemboleh Daya Berkeutamaan Tinggi

Berfungsi sebagai komponen asas yang kritikal bagi memastikan kejayaan pelaksanaan pelan strategik ini. Antaranya ialah:



## Modal Insan dan Infrastruktur

Mempunyai tenaga kerja digital yang kompeten dan siaga masa hadapan, disokong oleh teknologi moden serta infrastruktur yang berdaya tahan bagi membolehkan operasi yang efisien, selamat dan terjamin dalam penyampaian perkhidmatan yang berkualiti tinggi.



## Dasar dan Peraturan

Mempunyai rangka kerja yang jelas merangkumi peraturan-peraturan dan undang-undang yang berkesan untuk memastikan tadbir urus yang mantap merentasi sektor. Rangka kerja ini menyediakan asas yang kukuh untuk membina kepercayaan dan keyakinan orang awam, menarik pelaburan, serta mewujudkan peluang perniagaan yang lebih luas.




## Teknologi Memuncul dan Data

Menerapkan teknologi memuncul, termasuk Kecerdasan Buatan (*AI*), serta memanfaatkan data untuk memacu inovasi dan memajukan pendigitalan perkhidmatan awam bagi meningkatkan keefisienan, kebolehcapaian dan ketelusan.



## Perkongsian Kerjasama yang Bermakna

Menggalakkan perikatan sinergistik melalui pendekatan seluruh negara antara pelbagai pihak berkepentingan di semua peringkat untuk mencapai matlamat-matlamat yang dikongsi bersama dan saling menguntungkan.



# TONGGAK STRATEGIK

# 4 Tonggak Strategik

Merupakan asas strategi MTIC 2030 dengan mengenal pasti bidang-bidang utama untuk mencapai matlamat strategik, visi dan misi jangka panjang.

**SP1**

**Memacu  
Pendigitalan dan  
Inovasi**

Memajukan transformasi ke arah siaga masa hadapan dengan memanfaatkan penyelesaian digital dan berpandangan ke hadapan

**SP2**

**Mematuhi  
Piawaian  
Keselamatan dan  
Sekuriti**

Memastikan sistem dan infrastruktur yang selamat, terjamin dan kukuh serta berdaya tahan terhadap risiko dan ancaman baharu

**SP3**

**Berusaha Ke Arah  
Kecemerlangan  
Prestasi**

Menyampaikan perkhidmatan yang efisien dan berpusatkan pengguna yang didayakan secara digital, inklusif serta responsif terhadap keperluan masyarakat dan perniagaan yang sentiasa berkembang

**SP4**

**Memajukan  
Pertumbuhan Mampan  
dan Pembangunan  
Berdaya Tahan**

Memfokuskan kepada amalan mampan yang mewujudkan daya maju jangka panjang, penjana hasil dan ekosistem digital yang berkembang maju

# Tonggak Strategik 1 (SP1)

## Memacu Pendigitalan dan Inovasi

Memacu kecemerlangan operasi dan siaga masa hadapan dengan memanfaatkan penyelesaian digital serta berpandangan ke hadapan berdasarkan empat (4) bidang utama:



### Landskap Digital yang Berdaya Tahan, Bertenaga, Dinamik dan Inklusif

Memperkuh infrastruktur digital yang mantap di samping menggalakkan inovasi untuk menyampaikan perkhidmatan yang inklusif, mudah diakses dan efisien untuk semua



### Pemanfaatan Penyelesaian Digital

Memacu keefisienan melalui penerapan strategik teknologi digital untuk membuka peluang ekonomi dan teknologi baharu, mempercepat pemodenan serta memupuk inovasi



### Sektor yang Transformatif dan Berteraskan Tujuan

Menggalakkan sektor-sektor berkembang melangkaui fungsi tradisional, menyumbang secara aktif kepada pertumbuhan ekonomi dan beroperasi dengan tujuan yang jelas, selaras dengan matlamat kemampanan jangka panjang



### Rangka Kerja Literasi Digital

Meningkatkan kemahiran dan pengetahuan individu yang diperlukan untuk menggunakan teknologi digital secara berkesan, selamat dan bertanggungjawab

## Jangkaan Hasil

Keefisienan, ketelusan dan koresponsifan yang lebih tinggi dalam operasi serta penyampaian perkhidmatan melalui penerapan penyelesaian digital yang berpandangan ke hadapan serta strategik inovatif

# Tonggak Strategik 2 (SP2)

## Mematuhi Piawaian Keselamatan dan Sekuriti

Memastikan sistem dan infrastruktur yang selamat, terjamin dan siaga masa hadapan serta berdaya tahan terhadap risiko dan ancaman baharu dengan memberikan tumpuan kepada empat (4) bidang utama:



### Meningkatkan Daya Tahan Infrastruktur dan Sistem

Melabur dalam infrastruktur dan sistem yang lebih adaptif untuk meminimumkan risiko dan ancaman, serta memastikan kesinambungan operasi dan perkhidmatan



### Meningkatkan Respons dalam Pengurusan Krisis

Memperhalusi pelan dan keupayaan organisasi adalah penting untuk memastikan tindak balas yang pantas dan berkesan terhadap pelbagai krisis



### Memperkuh Ekosistem Keselamatan Siber

Bertindak balas dengan pantas terhadap ancaman digital baharu sambil mengekalkan landskap keselamatan siber yang diyakini dan dipercayai



### Mematuhi Perjanjian dan Peraturan Antarabangsa, Piawaian dan Kod Amalan yang Diiktiraf

Mengekalkan amalan keselamatan yang berpiawaian, pengurusan peralatan dan kebolehpercayaan sistem melalui penerapan prosedur global yang ditetapkan

## Jangkaan Hasil

Pematuhan terhadap peraturan dan piawaian yang dipertingkatkan di samping kesiapsiagaan dan kesediaan bagi tindak balas yang berkesan dalam krisis kecemasan

# Tonggak Strategik 3 (SP3)

## Berusaha Ke Arah Kecemerlangan Prestasi

Menyampaikan perkhidmatan yang efisien dan berpusatkan pengguna yang didayakan secara digital, inklusif serta responsif terhadap keperluan masyarakat dan perniagaan yang sentiasa berkembang, disokong oleh empat (4) bidang utama:



### Organisasi Berdasarkan Prestasi dan Dipacu Data

Memupuk akauntabiliti dan menambahbaikkan berterusan melalui rangka kerja pengurusan prestasi yang mantap serta penggunaan analisis data merentasi fungsinya



### Penglibatan Berpusatkan Rakyat

Menekankan komunikasi terbuka, dialog dan pendekatan kolaboratif bagi memupuk inklusiviti, membina kepercayaan serta menggalakkan rasa pemilikan kolektif ke arah pencapaian matlamat yang dikongsi bersama



### Tenaga Kerja yang Kompeten dan Mahir Digital

Membudayakan pembelajaran berterusan, menyediakan akses kepada latihan dan program pembangunan yang relevan, serta mempromosikan literasi digital di semua peringkat



### Menyediakan Akses Saksama untuk Semua

Memastikan akses yang adil, saksama dan inklusif kepada infrastruktur pengangkutan dan kesalinghubungan digital

## Jangkaan Hasil

Perkhidmatan awam digital yang boleh dipercayai, selamat dan diyakini serta boleh diakses oleh semua, didayakan oleh organisasi yang berkesan dan efisien

# Tonggak Strategik 4 (SP4)

## Memajukan Pertumbuhan Mampan dan Pembangunan Berdaya Tahan

Menyokong ekonomi hijau ke arah kemajuan negara jangka panjang dengan menekankan empat (4) bidang utama:



### Memperkuh Dasar Kemampanan dan Rangka Kerja Kawal Selia

Meningkatkan dan menyelaraskan undang-undang, peraturan dan dasar yang menyokong kelestarian alam sekitar, sosial dan ekonomi jangka panjang



### Menggalakkan Teknologi dan Amalan Hijau

Mengamalkan tanggungjawab bersama dalam penerapan teknologi dan amalan mesra alam di seluruh sektor



### Sektor yang Mampan, Berdaya Tahan dan Inklusif

Menyumbang kepada penjana saluran pendapatan yang berpotensi, mewujudkan peluang perniagaan dan pekerjaan baharu, serta membuka jalan ke arah masa depan yang mampan



### Memupuk Perkongsian Kerjasama yang Mampan dan Bermakna

Menggalakkan kerjasama awam-swasta dengan memperkuh kolaborasi pelbagai pihak berkepentingan di semua peringkat bagi mencapai matlamat kemampan bersama

## Jangkaan Hasil

Pendekatan bersepadu ke arah kemajuan ekonomi jangka panjang yang bertanggungjawab terhadap alam sekitar, inklusif dari segi sosial dan boleh disesuaikan dengan cabaran masa depan



# 4 Matlamat Strategik

Matlamat Strategik ini menjelaskan hala tuju utama yang akan diberi tumpuan dengan menyalurkan bidang keutamaan kepada matlamat prestasi.



**SG1**

**Kerajaan Yang  
Terhubung dan  
Siaga Masa  
Hadapan**

Peningkatan dalam keefisienan, ketelusan dan keupayaan responsif dalam operasi serta penyampaian perkhidmatan melalui penerapan penyelesaian digital



**SG2**

**Masyarakat Yang  
Terhubung dan  
Inklusif**

Kemudahan akses yang saksama dan inklusif bagi perkhidmatan pengangkutan dan infokomunikasi, di samping memupuk kepercayaan awam dan meningkatkan kualiti hidup



**SG3**

**Perniagaan Yang  
Terhubung dan  
Mampan**


Memupuk ekosistem yang berdaya digital, efisien, dan bersepadu bagi memudahkan perniagaan dan pelaburan, mewujudkan peluang pekerjaan serta pertumbuhan sosioekonomi yang mampan



**SG4**

**Ekosistem Yang  
Terhubung dan  
Dipercayai**

Memperkuh pematuhan kawal selia dan piawaian, di samping meningkatkan kesiapsiagaan dan kesediaan bagi tindak balas yang berkesan dalam krisis kecemasan



# SASARAN STRATEGIK

# 21 Sasaran Strategik

4

**SG1: Kerajaan Yang Terhubung dan Siaga Masa Hadapan**

**ST 1**  
 80% Pendigitalan Perkhidmatan Kerajaan menjelang 2030

**ST 2**  
 98% Ketersediaan Sistem bagi Perkhidmatan Perkongsian e-Kerajaan menjelang 2030

**ST 3**  
 100% Pencapaian Pensijilan Kompetensi Personel yang Disasarkan menjelang 2030

**ST 4**  
 Penarafan 3 Bintang dalam Program Penggredan Prestasi Perkhidmatan Awam (3PSA) menjelang 2030

5

**SG2: Masyarakat Yang Terhubung dan Inklusif**

**ST 1**  
 70% Penggunaan Perkhidmatan Digital Kerajaan yang Tersedia menjelang 2030

**ST 2**  
 75% Individu memiliki sekurang-kurangnya Kemahiran Digital Asas menjelang 2030

**ST 3**  
 80% Ketepatan Amaran Cuaca menjelang 2030

**ST 4**  
 99.5% Kebolehpercayaan dalam Ketersambungan Internet menjelang 2030

**ST 5**  
 5% Peningkatan dalam Kesalinghubungan Laluan Bas (km perjalanan bas) menjelang 2030

7

**SG3: Perniagaan Yang Terhubung dan Mampan**

**ST 1**  
 0.5% Perbelanjaan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) bagi Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) menjelang 2030

**ST 2**  
 2 Jabatan Bertransformasi secara Struktur menjelang 2030

**ST 3**  
 1,800 Peluang Pekerjaan dalam Industri Pengangkutan dan Infokomunikasi menjelang 2030

**ST 4**  
 9% Kadar Purata Pertumbuhan Sumbangan Sektor ICT menjelang 2030

**ST 5**  
 20% Kadar Purata Pertumbuhan Sumbangan Sektor Pengangkutan menjelang 2030

**ST 6**  
 Peningkatan Pergerakan Penumpang Udara dan Laut menjelang 2030  
 6.1. 40% Peningkatan Pergerakan Penumpang Udara menjelang 2030  
 6.2. 16% Peningkatan Pergerakan Penumpang Laut menjelang 2030

**ST 7**  
 Peningkatan Pergerakan Kargo Udara dan Laut menjelang 2030  
 7.1. 38,000 tan Pergerakan Kargo Udara menjelang 2030  
 7.2. 40 Juta tan Pergerakan Kargo Laut menjelang 2030

5

**SG4: Ekosistem Yang Terhubung dan Dipercayai**

**ST 1**  
 70% Pencapaian Program Pengawasan Keselamatan dan Sekuriti Penerbangan Global menjelang 2030

**ST 2**  
 Sifar Kemalangan Besar dalam Pengangkutan menjelang 2030

**ST 3**  
 32 Purata Perindustrian bagi Indeks Risiko Keselamatan Siber Kerajaan

**ST 4**  
 Kesiapsiagaan dan Kesiediaan Kecemasan (TTX\* dan FTX\*) dalam Sektor Pengangkutan dan Infokomunikasi

**ST 5**  
 Pengurangan Pelepasan Gas Rumah Hijau (GHG) dalam Sektor Pengangkutan menjelang 2030

# SG1: Kerajaan Yang Terhubung dan Siaga Masa Hadapan

Peningkatan dalam keefisienan, ketelusan dan keupayaan responsif dalam operasi serta penyampaian perkhidmatan melalui penerapan penyelesaian digital.



## ST 1

80% Pendigitalan Perkhidmatan Kerajaan menjelang 2030



## ST 2

98% Ketersediaan Sistem bagi Perkongsian Perkhidmatan e-Kerajaan menjelang 2030



## ST 3

100% Pencapaian Pensijilan Kompetensi Personel yang Disasarkan menjelang 2030



## ST 4

Penarafan 3 Bintang dalam Program Penggredan Prestasi Perkhidmatan Awam (3PSA) menjelang 2030

# SG2: Masyarakat Yang Terhubung dan Inklusif

Kemudahan akses yang saksama dan inklusif bagi perkhidmatan pengangkutan dan infokomunikasi, di samping memupuk kepercayaan awam dan meningkatkan kualiti hidup



## ST 1

70% Penggunaan Perkhidmatan Digital Kerajaan yang Tersedia menjelang 2030



## ST 2

75% Individu memiliki sekurang-kurangnya Kemahiran Digital Asas menjelang 2030



## ST 3

80% Ketepatan Amaran Cuaca menjelang 2030



## ST 4

99.5% Kebolehpercayaan dalam Ketersambungan Internet menjelang 2030



## ST 5

5% Peningkatan dalam Kesalinghubungan Laluan Bas (km perjalanan bas) menjelang 2030

# SG3: Perniagaan Yang Terhubung dan Mampan

Memupuk ekosistem yang berdaya digital, efisien, dan bersepadu bagi memudahkan perniagaan dan pelaburan, mewujudkan peluang pekerjaan serta pertumbuhan sosio-ekonomi yang mampan



## ST 1

0.5% Perbelanjaan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) bagi Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) menjelang 2030



## ST 2

2 Jabatan Bertransformasi secara Struktur menjelang 2030



## ST 3

1,800 Peluang Pekerjaan dalam Industri Pengangkutan dan Infokomunikasi menjelang 2030



## ST 4

9% Kadar Purata Pertumbuhan Sumbangan Sektor ICT menjelang 2030



## ST 5

20% Kadar Purata Pertumbuhan Sumbangan Sektor Pengangkutan menjelang 2030



## ST 6

Peningkatan Pergerakan Penumpang Udara dan Laut menjelang 2030

- 6.1. 40% Peningkatan Pergerakan Penumpang Udara menjelang 2030
- 6.2. 16% Peningkatan Pergerakan Penumpang Laut menjelang 2030



## ST 7

Peningkatan Pergerakan Kargo Udara dan Laut menjelang 2030

- 7.1. 38,000 tan Pergerakan Kargo Udara menjelang 2030
- 7.2. 40 Juta tan Pergerakan Kargo Laut menjelang 2030

# SG4: Ekosistem Yang Terhubung dan Dipercayai

Memperkuh pematuhan kawal selia dan piawaian, di samping meningkatkan kesiapsiagaan dan kesediaan bagi tindak balas yang berkesan dalam krisis kecemasan.



## ST 1

70% Pencapaian Program Pengawasan Keselamatan dan Sekuriti Penerbangan Global menjelang 2030



## ST 2

Sifar Kemalangan Besar dalam Pengangkutan menjelang 2030



## ST 3

32 Purata Perindustrian bagi Indeks Risiko Keselamatan Siber Kerajaan



## ST 4

Kesiapsiagaan dan Kesediaan Kecemasan (TTX\* dan FTX\*) dalam Sektor Pengangkutan dan Infokomunikasi



## ST 5

Pengurangan Pelepasan Gas Rumah Hijau (GHG) dalam Sektor Pengangkutan menjelang 2030



# PELAN TINDAKAN 2026 – 2030

**27**

SG1 | Kerajaan Yang  
Terhubung dan  
Siaga Masa  
Hadapan

**15**

SG2 | Masyarakat  
Yang Terhubung  
dan Inklusif

# Pelan Tindakan

# 121

(Inisiatif, Projek  
dan Program)

**34**

SG3 | Perniagaan  
Yang Terhubung  
dan Mampan

**45**

SG4 | Ekosistem  
Yang Terhubung  
dan Dipercayai

# SG1 | Kerajaan Yang Terhubung dan Siaga Masa Hadapan

(27 Inisiatif, Projek dan Program)

2026

- Kerjasama mengenai Sistem NAVTEX (Maklumat Cuaca dan Navigasi)
- Cadangan Dasar Maritim untuk Pembangunan Tenaga Kerja
- Transformasi Digital MPABD Fasa 2
- Pembangunan Sistem Dokumen Pengenalan (ID) Pelaut
- Penaiktarafan Piawaian Akademi Maritim Brunei
- Rangka Kerja Kebangsaan Sains, Teknologi dan Inovasi (STI)

*\*Projek di bawah Rancangan Kemajuan Negara*



2030

- Peningkatan Sistem Maklumat Cuaca 2.0
- Pembangunan Sistem *Nowcasting* Cuaca
- Sistem Meteorologi Kritikal Beroperasi Sepenuhnya
- Pembangunan Unjuran Iklim Jangka Panjang
- Program Latihan Maritim Komprehensif bagi *International Association of Marine Aids and Lighthouse Authorities (IALA) Certification*
- Melaksanakan Kursus Penyegaran Tahunan Dalam bagi Pengendali Trafik Kapal

2029

- Pelan Hala Tuju Kompetensi Dasar
- Indeks Pembangunan e-Kerajaan
- Projek Kerjasama Infokomunikasi – *(ASEAN Telecommunications Regulator's Council, ATRC)*
- Program Kompetensi dan Pembangunan Profesional
- Penilaian Kompetensi Sumber Manusia
- Strategi Kecerdasan Buatan (AI) Kebangsaan
- Pelan Pekerjaan dan Penggantian Kompetensi Maritim

2027

- *Data Analytics as a Service\* (DAaaS)*
- Pendigitalan Perkhidmatan Pengangkutan Darat\* (DriveBN)
- Pembinaan Platform Gov.BN 2.0\*
- Infrastruktur *Software Defined Network (SDN)* untuk Kerajaan\*
- Pelan Transformasi Digital Brunei – Strategi Kerajaan Digital
- Pelan Transformasi Digital Brunei – Strategi Data dan AI
- Sistem Pengurusan Rekod\* (SpeRe)

2028

- *Next Generation Weather Analysis Forecast and Warning Integrated System\**

\*Projek di bawah Rancangan Kemajuan Negara



# SG2 | Masyarakat Yang Terhubung dan Inklusif


(15 Inisiatif, Projek dan Program)

2026

2027

- **Pelan Transformasi Digital Brunei – Strategi Masyarakat Digital**
- **Sistem Pengangkutan Pintar\***
- **Sistem Pengangkutan Awam\***

*\*Projek di bawah Rancangan Kemajuan Negara*



2030

- Digital untuk Semua, termasuk MOU bagi Menyokong Keperluan Khas
- Program Jangkauan Komuniti Digital Brunei
- Rangka Kerja Literasi Digital Kebangsaan
- Pengekodan Seluruh Negara Menggunakan Peranti Pintar untuk Sekolah-Sekolah
- Meningkatkan Aksesibiliti melalui Pelaksanaan Infrastruktur Rangkaian
- Meluaskan Ketersambungan Internet ke Kawasan Pedalaman


2029

- Pembangunan dan pelaksanaan Dana Penyediaan Perkhidmatan Sejangat (USP) yang terkini untuk mensubsidi Perkhidmatan/Peranti bagi *Underserved* atau *Digitally Excluded Groups*
- Pembangunan Sistem Amaran Awal untuk Semua (EW4II)
- Peningkatan dan Pembangunan Direktif, Piawaian dan Kod Amalan (CoP) bagi Peralatan Telekom, Pelaksanaan Infrastruktur dan Pemasangan
- Ramalan/Amaran Cuaca Berasaskan Impak

2028

- Portal Berasaskan Web untuk Pembelian Data Iklim Secara Dalam Talian
- Peningkatan Aplikasi Brunei WX dan Laman Sesawang Jabatan Kajicuaca

\*Projek di bawah Rancangan Kemajuan Negara



# SG3 | Perniagaan Yang Terhubung dan Mampan

(34 Inisiatif, Projek dan Program)

- Pembangunan Kawasan Daerah Pemanduan (*Pilotage*) Kuala Belait
- Pelesenan Operasi bagi Pengendali Kemudahan Limbungan Kapal
- Kajian Kebolehlaksanaan mengenai Pengembangan Perniagaan Maritim dan Tarikan Pelaburan
- Peralihan Latihan Berasaskan Kompetensi kepada Penyedia Bertauliah
- Penubuhan *Ship-to-Ship and Lay-up Designated Area* (SLDA)
- Menubuhkan Rangka Kerja Pangkalan Bekalan Maritim Bersepadu (IMSB) yang Berfungsi Sepenuhnya
- Menjalankan Kajian Kebolehlaksanaan Laluan Serasa-Labuan dan Rangkaian Potensi yang lain
- Menawarkan Program Basiswa untuk Pembangunan Tenaga Kerja Maritim
- Perjanjian Rangka Kerja Ekonomi Digital (DEFA)
- Pengkorporatan Jabatan Perkhidmatan Pos

2026

- Pelan Transformasi Digital Brunei – Strategi Perniagaan Digital
- Pengukuhan Rangka Kerja Kompetensi Industri ICT Brunei (BIICF)

2027

- Pemodenan dan Perjanjian Perkhidmatan Udara Baharu (ASA)

- Memperkukuh Kerjasama Maritim, Perdagangan, dan Penjajaran Kawal Selia dengan Rakan Kongsi Antarabangsa dan Serantau
- Perjanjian Perdagangan Bebas dalam Sektor Infokomunikasi
- Program untuk Menyokong Industri Data dan Pembangunan AI
- Program untuk Menyokong Pembangunan Kandungan Media Digital, Realiti Tertambah (AR)/Realiti Maya (VR) dan *Gaming Content*
- *Brunei ICT Awards* (BICTA) dan *Asia Pacific ICT Alliance* (APICTA)
- Program Latihan Peningkatan Kemahiran Digital
- Coding.bn
- *Testbed* untuk Kemunculan Teknologi Baharu (5G Testbed)
- Memudahkan Kerjasama antara Penyedia Perkhidmatan Runcit Telekomunikasi (RSPs) dan Penyedia XaaS ke arah Pakej Digitalisasi yang Lancar dan Mudah Digunakan untuk Perniagaan
- PENJANA 2.0
- Perantisan Digital Luar Negara TechXPLORE
- Pengukuhan Rangka Kerja Kompetensi Industri ICT Brunei (BIICF)
- Perantisan TechInspire
- Akademi Digital
- Pelan Induk Tenaga Manusia Digital Kebangsaan
- Program Pembangunan Kapasiti dan Kesedaran untuk MSME dan Industri
- Meningkatkan Liputan Rangkaian Jalur Lebar Tetap di Tapak Industri Utama dan Keperluan Komersial Lain
- Memberi Insentif kepada Pembangunan Perusahaan Digital
- Transformasi Struktur bagi dua (2) Jabatan
- Penyelidikan Sains, Teknologi dan Inovasi (STI)\*
- Dana Penyelidikan CREATES\*

2028

2029

2030

# SG4 | Ekosistem Yang Terhubung dan Dipercayai

(45 Inisiatif, Projek dan Program)

- *Airfield Pavement* di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei – Fasa II\*
- Pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001:2015
- Pemasangan Pagar Keselamatan dan Sistem Pengesanan di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei\*
- *Surface Movement Radar (SMR)* dan *Provision of Other Related Services*\*
- Peningkatan Keselamatan Navigasi (Tiang Pasang Surut dan Tanda-tanda Pelayaran)
- Penaiktarafan Sistem Pengurusan Trafik Kapal (VTMS) untuk Keselamatan Navigasi
- Pelaksanaan ISO:14001 dan ISO:45001
- Kesiediaan Tindak Balas Kecemasan Tier 2
- Memperkukuh Pembangunan Pusat Tindak Balas Kecemasan Maritim melalui Manual Dasar dan Latihan Praktikal yang Disahkan
- Prosedur Operasi Piawaian (SOP) Tindak Balas Tumpahan Minyak Bersepadu
- Keahlian dalam *International Association of Marine Aids to Navigation and Lighthouse Authorities (IALA)*
- Pengukuhan Operasi Langkah Keselamatan untuk Pelabuhan (*International Ship and Port Facility Security (ISPS) Regulation Compliance*)
- Penambahbaikan Protokol Pemuatan ISPS
- Penyelesaian dalam Penemuan Skim Audit Negara Anggota (IMSAS) Pertubuhan Maritim Antarabangsa (IMO)
- Pengukuhan dan Penjajaran Rangka Kerja Perundangan MPABD
- Penyertaan dalam Konvensyen Fasilitasi Trafik Maritim Antarabangsa (FAL), Konvensyen Hong Kong dan Konvensyen Bunker
- Pengukuran Hidrografi Pelabuhan di Muara dan Kuala Belait
- Penciptaan Sistem Pemantauan Pelepasan Karbon Kapal
- Pembangunan Pelan Induk Dasar Pelabuhan Hijau
- Kempen Kesedaran Keselamatan Maritim
- Penyelidikan dan Pembangunan dalam Pengurusan Air Ballast

- Penubuhan Jawatankuasa Hidrografi Kebangsaan
- Pembinaan *Detention Pond and Flood Mitigation* di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei\*
- Pelaksanaan *Procedural Airspace Design and Air Traffic Controller Procedures*\*
- Peralihan *Aeronautical Information System (AIS)* kepada *Aeronautical Information Management (AIM)*\*
- Pelaksanaan dan Penerimaan Pakai Perintah Perlindungan Data Peribadi (PDPO)
- Pelaksanaan Strategi Keselamatan Siber yang Berkesanan
- Memperkukuh ISO MTIC dan SOP Pelaporan Insiden Keselamatan Siber
- Latihan bagi Penyiasat Keselamatan Pengangkutan
- Menyertai *Carbon Offsetting and Reduction Scheme for International Aviation (CORSA)*
- Pemuatan Piawaian dan Amalan Terbaik Penerbangan Awam Antarabangsa

2026

2027

\*Projek di bawah Rancangan Kemajuan Negara

2028

- Penempatan Kerja untuk Personel Keselamatan Pengangkutan
- Prosedur Operasi Piawaian Bersepadu (JSOP) untuk Siasatan Pengangkutan

2029

- Pembaikan Bantuan Navigasi Laut (ATONs)
- Mengekalkan Pensijilan ISO 9001 bagi Perkhidmatan Meteorologi

2029

- Menjalankan Kesiapsiagaan dan Kesiediaan Tindak Balas Kecemasan bagi Sektor Berkaitan Pengangkutan dan Infokomunikasi
- Daftaran Bendera Negara Maritim
- Pelaksanaan Rangka Kerja Kompetensi Memandu Kenderaan Ringan dan Berat
- Kenderaan Pelepasan Karbon Rendah
- Pengurangan Pelepasan Gas Rumah Hijau dalam Industri Penerbangan
- Pengauditan Prestasi Rangkaian dan Pemantauan Kualiti Perkhidmatan (QoS)
- Mengkaji Semula dan Mengemas Kini Kod Amalan Keselamatan Dalam Talian
- Memantau dan Menilai Infrastruktur Maklumat Kritikal (CII) dalam Sektor ICT
- Pembelajaran dari Insiden (LFI) Dua Kali Setahun dalam Sektor Maritim
- Penubuhan *State Safety Programme* (SSP) di bawah Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa (ICAO)

2030



# PENILAIAN STRATEGI

# Penilaian Strategi

Mekanisme yang sedia ada iaitu penilaian strategi suku tahunan akan terus dijadikan sebagai platform kajian semula dan dilengkapi dengan penilaian tahunan bagi mempertingkatkan fokus organisasi, memastikan akauntabiliti, dan mencapai hasil yang dihasratkan.







